



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

CUTI 15 SEPTEMBER: RUANG UNTUK PEKERJA RAI PERPADUAN DAN SEMANGAT HARI MALAYSIA

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri yang mengisytiharkan 15 September 2025 (Isnin) sebagai hari kelepaan am tambahan sempena sambutan Hari Malaysia.

Pengisytiharan ini merupakan khabar gembira buat para pekerja sektor awam mahupun swasta di seluruh negara. Cuti tambahan ini memberikan ruang buat seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama meraikan perpaduan, memperkukuh semangat kebangsaan serta menghargai keistimewaan pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Cuti panjang boleh dimanfaatkan untuk beriadah yang dapat menambah mutu kesejahteraan hidup pekerja Malaysia. Aktiviti-aktiviti ekonomi juga dapat dirancakkan ketika cuti panjang sekaligus membawa kesan positif kepada ekonomi setempat.

Pelaksanaan cuti tambahan ini tertakluk kepada peruntukan undang-undang pekerjaan sedia ada, iaitu Seksyen 60D (1) Akta Kerja 1955 [Akta 265] bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67), Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76), serta Akta Hari Kelepaan 1951 [Akta 369] sebagai asas pengisytiharan rasmi cuti tambahan oleh Kerajaan.

Majikan wajib mematuhi pengisytiharan cuti kelepaan am tambahan ini dan boleh memilih untuk:

- Memberi hari kelepaan am tambahan tersebut dan membayar gaji biasa;
- Mengarahkan pekerja hadir bekerja dan membayar gaji mengikut kadar hari kelepaan am; atau
- Memberi gantian cuti pada hari lain sekiranya pekerja dikehendaki bekerja pada hari kelepaan berkenaan.

Bagi memastikan pelaksanaan hari kelepasan am tambahan yang adil dan teratur, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh negara bersedia memberi khidmat nasihat serta menjawab sebarang pertanyaan daripada majikan dan pekerja berhubung pelaksanaan hari kelepasan am tambahan ini.

Majikan atau pekerja yang memerlukan panduan lanjut boleh menghubungi talian hotline JTKSM di talian 03-8886 5192/5937 atau emel ke jtksm@mohr.gov.my atau hadir ke Pejabat JTK berhampiran. Kementerian menyeru semua pihak untuk menghayati semangat Hari Malaysia demi memperkukuh keharmonian dan kesejahteraan negara.

YB STEVEN SIM CHEE KEONG

23 JULAI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	